



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **2 Aug2021 (Monday)**

Berita Harian

SIBS 2021 bantu promosi Selangor destinasi pelaburan, perniagaan	1
220 guru ikuti latihan aplikasi teknologi Microsoft 365 Education	2
Man Kidal kian pulih	3

Utusan Malaysia

Kubur Selat Klang berbaki 500 liang	4
Beli minyak wangi janji terakhir mangsa Covid-19	5

Sinar Harian

Kadar vaksinasi harian Selangor lepsi sasaran - MB	6
MDHS, swasta berkolaboratif bantu 171 keluarga terjejas akibat Covid-19	7
JAIS tak benar NGO urus jenazah Covid-19	8
Mohd Tamyas dikurnia gelaran Sahibul Fadhilah Al-'Alim Al-'Arif	9

Berita Harian Online

Man Kidal promosi single dalam sakit	10
--------------------------------------	----

KOSMO Online

Selangor capai jumlah suntikan harian lebih 150,000 bulan lalu	11
Talian MPSepang Sejahtera bantu golongan terjejas	12

myMetro On-line

KKM cadangkan persidangan Parlimen ditangguhkan 2 minggu	13
----------------------------------------------------------	----

Nasional FM (87.7)

Selangor Dijangka Mencapai Imuniti Kelompok Dalam Masa Kurang Dari Sebulan	14
----------------------------------------------------------------------------	----

Selangor TV

4.43 Juta Dos Vaksin Disuntik, Selvax Tambah 193,649	15
------------------------------------------------------	----

The Star

ASSESSMENT TAX	16
168 roadside food traders legalised	17
MBPJ plans to expand burial grounds	18

The Sun

Good tidings	19
--------------	----

Malaysiakini Online

Selangor to achieve herd immunity within a month - MB	20
-------------------------------------------------------	----

The Star Online

Klang Valley close to 100% first dose vaccinations	21
----------------------------------------------------	----

Traxx FM (90.3)

Selangor Is Expected To Achieve Heart Immunity In Less Than A Month	22
---------------------------------------------------------------------	----

China Press

98% of MPSP staff have been vaccinated	23
----------------------------------------	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



MPK is sympathetic to the hardships of the people and will not increase the house tax next year.	24
Selangor Environment Board intercepted 2 e-waste containers arriving at the port and ordered them to be returned to the origin country.	25
Merpati Blok A has lifted lockdown restrictions and residents celebrate with fireworks	26
Sin Chew Daily	
No excuses to refuse vaccination; Many vaccination center in Selangor and KL able to walk-in from today	27
Nanyang Siang Pau	
Funeral service: "Body stacking" at Tengku Ampuan Rahimah Hospital's container, which takes at least 2 hours to collect a body	28
Guang Ming Daily	
Prioritise cremating Klang people who died due to Covid-19 to speed up management of bodies in Klang hospitals	29
Selangor multipurpose halls now open for special period walk-in vaccinations until September 2nd	30
Malaysia Nanban	
Selangor will soon recover from Covid 19	31



KERATAN AKHBAR
2 August 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	SIBS 2021 bantu promosi Selangor destinasi pelaburan, perniagaan
Muka Surat	:	9

SIBS 2021 bantu promosi Selangor destinasi pelaburan, perniagaan

Program secara maya Oktober ini bakal tarik minat pelabur, pedagang antarabangsa

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Penganjuran Selangor International Business Summit (SIBS) 2021 pada Oktober depan memberi peluang kepada kerajaan Selangor untuk berjumpa dan memberi fokus kepada rakan perniagaan dan industri dari pelbagai bidang serta negara.

Ia sekali gus menjadi platform untuk berkongsi pendapat dan pengetahuan bagi membentuk masa depan negeri yang lebih berjaya.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata SIBS menjadi satu program tahunan yang membantu mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan dan perniagaan yang unggul di rantau ini, di samping memberikan keyakinan kepada pelabur, pedagang antarabangsa, serta semua peserta untuk berhubung, bekerjasama dan menjalankan perniagaan di negeri ini.

"Rekod ini menjadikan SIBS sebagai satu program tahunan yang mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Namun begitu, penganjurannya pada tahun ini akan memberikan makna lebih besar kerana ia juga adalah antara langkah yang penting dalam proses pembangunan semula ekonomi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) selepas menerima impak daripada pandemik COVID-19.

"Penganjuran SIBS sebelum ini berjaya membuka satu peluang bagi PKS meluaskan perniagaan ke pasaran serantau yang mana terdapat banyak delegasi dari luar yang menghadiri SIBS ini bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan terkini. Contohnya, pada 2019, SIBS berjaya merekodkan jualan dalam perbincangan (*negotiated sales*) sebanyak lebih RM400 juta.

"Pada tahun lalu, berikutan negara dilanda pandemik COVID-19, kita bersetuju untuk meneruskan penganjuran SIBS, tetapi ia dijalankan secara maya supaya perbincangan antara peserta dan pembeli antarabangsa masih dapat dijalankan, walaupun ada kekangan perjalanan dari dalam mahupun luar negara," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Beliau berkata, susulan negara masih berdepan COVID-19, pihaknya berharap kes jangkitan harian akan terus berkurang seterusnya SIBS yang dijadualkan berlangsung pada 7 hingga 10 Oktober ini secara fizikal di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan secara virtual di portal Selangor Business Hub dapat diadakan seperti dirancang.

Katanya, sekiranya dibenarkan kerajaan negeri berharap SIBS ini akan dijadikan platform bagi semua peserta program dalam mengembangkan pasaran barangan dan perkhidmatan mereka di rantau ini.

"Penganjuran SIBS 2021 secara fizikal, sekiranya dibenarkan, akan mengikut syarat dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mana jumlah penyertaan dan kehadiran pelawat akan dihadkan mengikut kesesuaian SOP penganjuran acara itu sendiri.

"Oleh kerana SIBS 2021 ini akan dianjurkan secara hibrid, pelawat atau rakan perniagaan yang ingin bertemu peserta pameran boleh membuat pilihan sama ada untuk hadir di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur atau melawati portal www.selangor-businesshub.my dan berjumpa peserta secara maya.

"Begitu juga dengan peserta persidangan yang bakal dianjurkan bersempena SIBS 2021 ini, persidangan secara maya juga boleh dihadiri oleh peserta di portal berkenaan. Ini bukan sahaja akan mengurangkan risiko penyebaran virus COVID-19, malah dapat membantu memberikan kelengkapan kepada pelawat dan peserta dalam penyertaan mereka dalam persidangan SIBS 2021 ini," katanya.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, SIBS tahun ini akan merangkumi enam program utama, iaitu 7th Selangor International Expo (F&B) 2021; 6th Selangor Smart City and Digital Economy Convention (SDEC) 2021; 2nd Selangor R&D and Innovation Expo (SRIE) 2021; 5th Selangor ASEAN Business Conference (SABC) 2021 serta dua komponen terbaru SIBS, iaitu 7th Selangor International Expo (Medic) dan 1st Selangor Industrial Park Expo (SPARK) 2021.

Beliau berkata, Medic memberi fokus kepada sektor Sains Hayat (*Life Sciences*). Pameran perdagangan ini dijangka akan mengumpulkan pakar dan penggiat daripada industri bekalan perubatan, peralatan diagnostik, penjagaan kesihatan, farmasi, dan perkhidmatan hospital yang bakal berkongsi pengetahuan, serta mempamerkan produk dan



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj diiringi Amirudin berkenan melawat pameran SIBS 2019.

perkhidmatan kesihatan terkini yang tersedia di Selangor.

Katanya, pameran itu juga diharapkan akan dapat membantu Selangor dalam usaha memajukan sektor sains hayat, sekali gus menarik lebih banyak syarikat serta pelabur yang mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan bernilai tambah serta berteknologi tinggi.

"SPARK akan memperkenalkan Selangor sebagai destinasi pilihan untuk pelabur asing di rantau ini dan akan menjadi satu acara penting bagi menghubungkan pemamer antarabangsa dan tempatan, pelabur dan juga pihak pemegang taruh lain untuk memahami ekosistem perindustrian, taman perindustrian serta inisiatif kerajaan negeri di dalam merencanakan ekonomi Selangor.

"SPARK dijangka dapat dijadikan acara sehati bagi pelabur dan pengilang untuk mendapatkan maklumat dan penerangan berkenaan taman perindustrian di Selangor serta perkhidmatan fasilitasi kerajaan negeri dalam membantu pelabur membuat keputusan," katanya.

Tambah beliau, tiga program sampingan akan turut diadakan

pada penganjuran kali ini, iaitu Malaysia China Entrepreneurs Conference; Selangor International Halal Conference dan Selangor International Culinary Festival.

Sementara itu, ketika ditanya sasaran kerajaan negeri dari segi penyertaan pada SIBS kali ini, Amirudin berkata, SIBS 2020 yang diadakan secara maya berjaya menarik minat lebih 170,000 pengunjung (maya) dari lebih 50 negara dengan 280 pemamer.

"Katanya, pada tahun ini, kerajaan negeri menyasarkan penyertaan 840 pemamer dan seramai 15,000 pelawat fizikal dan lebih 200,000 pengunjung maya secara keseluruhannya.

"Kerajaan negeri sentiasa proaktif dalam usaha membina saluran dan mencipta peluang untuk memacu pembangunan sosioekonomi negeri dan SIBS adalah salah satu usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan ekonomi negeri serta memperkukuhkan lagi kedudukan Selangor sebagai negeri paling maju di Malaysia.

"Ia juga akan menunjukkan dayatanganan, ketangkasan dan tekadnya kerajaan negeri untuk

terus berjaya dan maju, walaupun menghadapi cabaran berikutan pandemik COVID-19," katanya.

Dalam pada itu, Amirudin turut berkongsi bahawa Selangor merekodkan nilai keseluruhan pelaburan sebanyak RM38.7 bilion daripada jumlah keseluruhan RM164 bilion yang diterima Malaysia pada tahun lalu menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelaburan utama negara untuk tiga tahun berturut-turut.

Katanya, sektor pengilangan merekodkan nilai pelaburan tertinggi, yang mana Selangor berjaya merekodkan RM18.4 bilion daripada jumlah RM91.3 bilion yang diperoleh negara.

Tambah beliau, pada suku pertama tahun ini, Selangor berjaya mencatatkan nilai keseluruhan pelaburan sebanyak RM8.6 bilion daripada jumlah keseluruhan RM80.6 bilion yang diterima negara dan daripada jumlah itu (RM8.6 bilion), sektor pengilangan mencatatkan nilai pelaburan bernilai RM4 bilion.

"China menjadi negara utama yang menjadi pelabur di Selangor dari 2016 hingga 2020 dengan RM6.17 bilion, diikuti Jepun (RM3.73 bilion); Taiwan (RM3.42 bilion); Belanda (RM3.3 bilion); dan Singapura (RM3.2 bilion).

"Antara lima sektor pembuatan utama yang menyumbang pelaburan yang tinggi di Selangor dari 2016 hingga 2020 adalah kertas, percetakan dan penerbitan (RM15 bilion), produk logam asas (RM6.8 bilion), peralatan pengangkutan (RM5.8 bilion), pembuatan makanan (RM5.6 bilion) dan produk getah (RM3.2 bilion)," katanya.

SPARK dijangka dapat dijadikan acara sehati bagi pelabur dan pengilang untuk mendapatkan maklumat dan penerangan berkenaan taman perindustrian di Selangor

Amirudin Shari,
 Menteri Besar Selangor





KERATAN AKHBAR 2 August 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	220 guru ikuti latihan aplikasi teknologi Microsoft 365 Education
Muka Surat	:	34



Program yang dianjurkan Universiti Malaya itu bagi memberi pendedahan kepada guru dengan teknologi terkini.

220 guru ikuti latihan aplikasi teknologi Microsoft 365 Education

Kuala Lumpur: Seramai 220 guru dari 11 sekolah rendah dan sembilan sekolah menengah sekitar Bangsar dan Petaling Utama menerima latihan berkaitan aplikasi teknologi Microsoft 365 Education.

Program itu yang dikendalikan Universiti Malaya (UM) melalui Pusat Komuniti dan Kelestarian (UMCares) dibuat bagi mendedahkan guru dengan teknologi terkini yang menyokong program pembelajaran dalam talian sejajar dengan perkembangan semasa.

Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan UM, Dr Donnie Adams, berkata program berkenaan akan membantu guru mengatasi kesukaran ketika melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) terutamanya dalam mempertingkatkan kemahiran dan menyesuaikan diri dengan teknologi.

Beliau yang juga ketua projek berkenaan berkata, latihan yang dibuat secara dalam talian itu

terbahagi kepada dua fasa yang mana pada peringkat pertama, ia melatih sembilan orang guru sekolah menengah dan 11 orang guru sekolah rendah.

"Fasa kedua pula membabitkan 10 orang guru yang sudah diperakui sebagai 'Microsoft Innovative Educator Teacher Trainer' dalam fasa satu bagi melatih 214 orang guru lain yang terpilih," katanya.

"Tambahnya, guru yang terbahagi akan dilatih mengendalikan pembentukan bilik darjah maya; penggunaan aplikasi 'Microsoft Teams' untuk PdPR; amalan terbaik untuk tugas dan kuiz juga kaedah pengajaran secara kreatif menggunakan aplikasi berkaitan.

Selain UM, program itu turut mendapat kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Fedelis Sdn Bhd (Microsoft in Education Global Training Partner) dan Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar dan Petaling Utama.

● Fasa kedua pula membabitkan 10 orang guru yang sudah diperakui sebagai 'Microsoft Innovative Educator Teacher Trainer' dalam fasa satu bagi melatih 214 orang guru lain yang terpilih ●

Dr Donnie Adams,
Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan UM



Latihan yang diberikan akan membantu guru mengatasi kesukaran ketika melaksanakan sesi PdPR.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 August 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Man Kidal kian pulih
Muka Surat	:	44



Man Kidal (kiri) dan Hillary Ang mempromosikan single terbaharu berjudul *Revival*.
 (Foto: FB HMK Works)

Man Kidal kian pulih

**Gitaris legenda
dijangkiti
COVID-19
tetap promosi
single baharu**

Oleh Fatin Farhana Ariffin
 fatin.farhana@bh.com.my

Mengejutkan peminat apabila di-
 khabarkan positif COVID-19, gi-
 taris legenda, Man Kidal kini
 beransur pulih, namun terus me-
 lakukan kuarantin sendiri di ru-
 mah bersama isterinya, Norlaila
 Yusof.

Man Kidal memberitahu, kesi-
 hatannya bertambah baik tetapi
 deria rasa dan bau masih belum
 berfungsi secara normal.

"Alhamdulillah, saya sihat, de-
 mam sudah tiada. Saya masih le-
 mah dan deria rasa serta bau pun
 belum ada," katanya ketika di-
 hubungi *HIP*.

Pada 20 Julai lalu, anak Man
 Kidal, iaitu Nur Syahira Rahman
 mengesahkan bapa dan ibunya
 positif COVID-19 dan menjalani
 kuarantin sendiri di rumah.

Man Kidal bersyukur sejak
 kisah dirinya dan isteri dilapor-
 kan media termasuk bebanan ke-
 wangan yang melanda berikutan
 tidak bekerja sejak penularan pan-
 demik COVID-19, banyak pihak
 menghulurkan bantuan.

Man Kidal atau nama sebenar,
 Rahman Mahmood mengucapkan
 terima kasih atas keprihatinan
 teman-teman, peminat, persatuan
 seni dan Lembaga Zakat Selangor
 (LZS) yang menghulurkan ban-

tuhan bulanan.

"Sejak saya dijangkiti CO-
 VID-19, isteri saya sentiasa dihu-
 bungi. Ramai yang ambil berat
 mengenai keadaan saya dan isteri.
 Disebabkan itu, dalam seminggu
 ini, saya terima macam-macam
 bantuan.

"Saya sangat terhutang budi.
 Terima kasih banyak-banyak.
 Allah sahaja yang boleh memba-
 las jasa semua pihak," katanya.

Man Kidal percaya dijangkiti
 COVID-19 daripada isterinya.

"Isteri saya keluar rumah
 membeli barang mentah untuk
 memasak dan sebagainya. Sela-
 ma ini, memang kita jaga, tetapi
 sudah hendak kena, hendak buat
 macam mana.

"Hanya satu pesan saya kepa-
 da orang ramai, vaksin COVID-19
 yang diberi kerajaan cukup berke-
 san. Vaksin membantu saya dan
 isteri daripada mengalami gejala
 yang teruk," katanya.

Sementara itu, biarpun sedang
 melawan sakit, Man Kidal berse-
 mangat mempromosikan *single*
 terbaharu yang dihasilkan berse-
 ma Hillary Ang berjudul *Revival*.

"Sebenarnya, sudah hampir
 dua bulan kami mengusahakan
 projek ini. Sejak kira-kira lima
 bulan lalu, saya banyak meng-
 habiskan masa bersama Hillary
 mencipta lagu.

"Kami sebenarnya merancang
 melancarkan *Revival*, Selasa lalu.
 Namun, terpaksa ditangguhkan
 disebabkan kesihatan saya.

"Apabila saya sudah menda-
 pat pengesahan dan surat dari
 Kementerian Kesihatan bahawa
 saya sudah bebas daripada jang-
 kitan COVID-19, barulah kami
 buat majlis pelancaran lagu itu
 dalam talian," katanya.

Man Kidal berkata, dia dan
 Hillary merancang menghasil-
 kan 10 lagu, hanya sempat
 menyiapkan dua *single* berikutan
 Perintah Kawalan Pergerakan
 (PKP) 3.0.

"Biarpun saya tiada kesempa-
 tan membuat persembahan berse-
 ma Lefthanded akibat COVID-19,
 saya tidak berputus asa. Jadi,
 saya mencipta lagu, kemeja-T dan
 barangan cenderahati bersama
 Hillary.

"Saya berharap *single* ini da-
 pat menghiburkan peminat di
 samping membantu kami menja-
 na pendapatan dengan membeli
 cenderahati yang dihasilkan," ka-
 tanya.

Selain audio dan rakaman
 minus one yang dijual pada har-
 ga RM10, Man Kidal dan Hillary
 menghasilkan cenderahati *Revi-
 val* seperti baju dan pelitup muka
 yang ditawarkan di Facebook
 HMK Works dan Garasi TV.



KERATAN AKHBAR
2 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kubur Selat Klang berbaki 500 liang
Muka Surat	:	4

Kubur Selat Klang berbaki 500 liang

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**
 utusannews@mediamula.com.my

KLANG: Tanah Perkuburan Islam Selat Klang di sini hanya berbaki kira-kira 500 liang lahad untuk menguburkan jenazah mangsa Covid-19 dan penduduk di kawasan sekitar.

Kiraan itu berdasarkan baki keluasan tanah yang belum digunakan dan setakat kelmarin sebanyak 120 jenazah mangsa Covid-19 sudah dikebumikan di situ dalam tempoh dua minggu lalu.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, petugas di tanah perkuburan itu, Ahmad Nordin berkata, baki kira-kira 500 liang lahad itu sebenarnya cukup untuk penduduk tempatan menguburkan jenazah ahli keluarga mereka yang meninggal dunia.

"Namun kawasan perkuburan ini agak cepat penuh sejak dipilih sebagai lokasi pengebumian bagi program pengurusan jenazah berpusat mangsa Covid-19 di Selangor," katanya ketika ditemui di tanah perkuburan itu kelmarin.

Menurutnya, pada Sabtu lalu, sebanyak 21 jenazah mangsa Covid-19 dibawa dari Jabatan Forensik, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang dikebumikan di sini menjadikan jumlah keseluruhan jenazah yang dikebumikan sejak pelaksanaan program pengurusan jenazah berpusat meningkat kepada 120 jenazah.



SEORANG kakitangan pengurusan jenazah di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang di Klang keletihan selepas pengebumian jenazah mangsa Covid-19 kelmarin. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

Kubur Selat Klang berbaki 500 liang

Dari muka 1

Ahmad memberitahu, sekurang-kurangnya lima jenazah mangsa Covid-19 dikebumikan setiap hari di kawasan itu menyebabkan pihaknya perlu melakukan persediaan termasuk memastikan liang lahad siap digali bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pengebumian.

"Jenazah ini kebanyakan datang dari sekitar daerah Klang iaitu dari Andalus, Kampung Jawa, Kampung Delek, Bukit Tinggi dan lain-lain.

"Walaupun penat, saya bersama petugas lain masih mampu melakukan tuntutan fardhu kifayah itu selagi Allah SWT memberikan kudrat," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif melaksanakan pengurusan jenazah Covid-19 secara berpusat bagi membantu mengatasi kesesakan di jabatan forensik di hospital-hospital negeri ini.

Program pengurusan jenazah secara berpusat itu juga secara tidak langsung mengelakkan

waris bagi mangsa-mangsa yang terkorban akibat Covid-19 tidak menunggu terlalu lama.

Selain Tanah Perkuburan Islam Selat Klang, Selangor turut menjadikan Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 di Shah Alam sebagai tempat pengebumian jenazah mangsa Covid-19.

Bagi jenazah bukan Islam, waris ahli keluarga perlu merujuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menentukan lokasi pengebumian dan pengurusan krematorium yang bersesuaian.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 August 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Beli minyak wangi janji terakhir mangsa Covid-19
Muka Surat	:	28

Beli minyak wangi janji terakhir mangsa Covid-19

KLANG: Seorang anak mangsa Covid-19 yang meninggal dunia tidak menjangkakan janji arwah bapanya untuk membelikan minyak wangi menjadi yang terakhir walaupun tidak sempat ditunaikan.

Janji itu dibuat bapa Nadiyah Mustapha, 41, iaitu Allahyarham Mustapha Zainal, 76, ketika sedang dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini sebelum menghembuskan nafas terakhir pada Khamis lepas.

Menurut Nadiyah, arwah bapanya menyatakan hasrat itu ketika setiap kali membuat panggilan video dengannya, malah dia dikatakan kerap kali menyatakan mahu cepat pulang ke rumah.

"Setiap kali bila ayah kata begitu, saya selalu memintanya bersabar dan menguatkan semangat untuk lawan virus Covid-19 yang menjangkitinya. Ayah juga berjanji nak belikan minyak wangi kepada saya," katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan Selat Klang.

Malah, dia juga tidak menyangka arwah bapanya yang dimasuk-



PEGAWAI Jabatan Agama Islam JAIS, Pegawai Kesihatan Daerah PKD Klang dan Pihak Pengurusan Jenazah Tanah Perkuburan Islam Selat Klang lengkap berpakaian PPE menguruskan pengebumian jenazah korban Covid-19 semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

kan ke hospital pada 12 Julai lalu akibat serangan jantung akhirnya dijangkiti wabak Covid-19 ketika menerima rawatan walaupun keputusan ujian saringan negatif

sebelum masuk wad.

"Pada 22 Julai lalu, arwah sepatutnya dibenarkan pulang ke rumah selepas keadaannya stabil, namun sebelum keluar pihak hos-

pital menjalankan ujian saringan kedua. Malangnya ujian kedua itu mengesahkan arwah dijangkiti Covid-19.

"Akibat dijangkiti, hospital kemudian menahannya dua minggu lagi. Sejak itu kesihatan arwah ayah semakin merosot dan saya cuma sempat buat panggilan video beberapa kali sahaja.

"Kali terakhir panggilan video kami sekeluarga adalah dengan seorang doktor yang merawat arwah dan memaklumkan keadaannya sangat lemah. Dalam panggilan itu suami meminta doktor mengucapkan dua kalimah Syahadah di telinga arwah sebelum menghembuskan nafas terakhir pada pukul 6.57 petang," luahnya.

Allahyarham merupakan antara 21 jenazah mangsa Covid-19 yang dikebumikan pada hari yang sama di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang pada Sabtu lalu melalui program pengurusan jenazah berpusat yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pengumuman program berpusat sejak dua minggu lalu itu adalah bertujuan memudahkan proses pengurusan jenazah selain mengurangkan kesesakan di Jabatan Forensik serta mengelakkan waris menunggu terlalu lama untuk mengubumikan jenazah ahli keluarga mereka.

Dalam tinjauan *Utusan Malaysia* ketika itu, pengebumian jenazah itu dilakukan secara berperingkat apabila sembilan pertama tiba di tanah perkuburan pada pukul 1 petang sementara kumpulan kedua pula pada pukul 5.15 petang dan tujuh terakhir pada pukul 6.45 petang. Proses pengebumian selesai kira-kira pukul 7.30 malam.

Lebih 20 petugas daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dan petugas kawasan terkubur itu sendiri terlibat dalam proses pengebumian itu sambil disaksikan lebih 100 orang waris yang berada di sana bagi memberikan penghormatan terakhir.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kadar vaksinasi harian Selangor lepassasaran - MB
Muka Surat	:	3

Kadar vaksinasi harian Selangor lepassasaran - MB

SHAH ALAM - Kadar pemberian vaksinasi harian di Selangor pada Jumaat dan Sabtu berjaya melepasi sasaran bagi Julai membabitkan pemberian melebihi 135,000 dos sehari.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, mengikut statistik, negeri itu merekodkan pemberian vaksin sebanyak 159,000 dos pada Jumaat dan 152,000 dos pada Sabtu.

Menurut beliau, jumlah itu tidak termasuk kadar vaksinasi harian menerusi Program Vaksin Selangor (SelVAX) yang melibatkan sebanyak 15,000 dos sehari.

"Alhamdulillah, menutup bulan Julai dengan kejayaan vaksinasi di Selangor. Kadar vaksinasi harian di Selangor terus meningkat.

"Terima kasih kepada semua petugas perubatan dan keselamatan yang terus komited

memberi khidmat," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Amirudin sebelum ini memaklumkan sejumlah 4.28 juta dos vaksin Covid-19 telah diberikan kepada rakyat Selangor setakat Sabtu.

Jelas beliau, sebanyak 176,837 dos vaksin turut diberikan kepada penduduk di negeri tersebut menerusi SelVAX.



Alhamdulillah, menutup bulan Julai dengan kejayaan vaksinasi di Selangor."



AMIRUDIN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MDHS, swasta berkolaboratif bantu 171 keluarga terjejas akibat Covid-19
Muka Surat	:	31

MDHS, swasta berkolaboratif bantu 171 keluarga terjejas akibat Covid-19



Kerjasama MDHS dan pihak swasta untuk membantu keluarga yang terjejas akibat Covid-19 menerusi program Food Bank Jom Kongsi Rezeki.

HULU SELANGOR - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menjalinkan kerjasama strategik bersama beberapa pihak swasta menerusi program Food Bank Jom Kongsi Rezeki bagi membantu 171 keluarga memerlukan sekitar daerah ini susulan pandemik Covid-19.

Menerusi program itu, MDHS bersama syarikat MR D.I.Y Trading Sdn Bhd memberi sumbangan barangan keperluan seperti beras, minyak masak, gula, biskut dan pelbagai lagi kepada penerima terlibat.

Bahagian Korporat MDHS menerusi kenyataan berkata, selain membantu penduduk memerlukan, pelaksanaan program itu juga adalah selaras dengan fokus bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030).

“Program ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak swasta bagi membantu mereka yang memerlukan ketika waktu mencabar ini,” katanya pada Sabtu.

Menerusi program sama, Syarikat Minyak Masak Kijang Gold turut mengambil inisiatif menyumbangkan dua liter minyak masak bagi setiap keluarga terlibat.

Sebanyak 63 sumbangan telah disampaikan di tiga kawasan iaitu Bukit Beruntung, Bukit Sentosa dan Rasa manakala selebihnya akan diedarkan secara berperingkat.

“MDHS berharap agar syarikat korporat lain dapat bersama menyumbang kepada mereka yang memerlukan menerusi program ini,” kata kenyataan itu.





KERATAN AKHBAR
2 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS tak benar NGO urus jenazah Covid-19
Muka Surat	:	32

JAIS tak benar NGO urus jenazah Covid-19

Pengebumian jenazah pesakit Covid-19 hanya boleh dilakukan di tanah perkuburan yang ditetapkan

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak lagi membenarkan mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) untuk menguruskan jenazah Covid-19 di semua hospital di Selangor.

Perkembangan itu dikongsikan oleh sebuah badan kerajaan (NGO) Unit Kenderaan Van Jenazah (UKVJ) yang menggunakan akaun nama Facebook, Mr Wan Cai Official pada Sabtu.

“Arahan terbaru, NGO tidak dibenarkan urus jenazah Covid-19 di semua hospital di Selangor.

“Bermula 1 Ogos, semua NGO termasuk UKVJ tidak dibenar mengurus jenazah di



MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

JAIS tidak membenarkan mana-mana NGO untuk menguruskan jenazah Covid-19 di semua hospital.

Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang,” katanya.

Terdahulu, JAIS dilaporkan turut menetapkan pengebumian jenazah pesakit Covid-19 hanya boleh dilakukan di tanah perkuburan yang ditetapkan sahaja.

Pada aplikasi WhatsApp sebelum ini tular kenyataan yang memaklumkan bermula

pada Jumaat tanah perkuburan Islam di setiap kariah tidak lagi dibenarkan mengurus pengebumian jenazah Covid-19.

Menerusi edaran senarai tanah perkuburan pengebumian jenazah Covid-19 di negeri Selangor yang dikeluarkan JAIS, terdapat 37 tapak dikhususkan untuk urusan pengebumian membabitkan 13 hospital di negeri ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
2 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Mohd Tamyès dikurnia gelaran Sahibul Fadhilah Al-'Alim Al-'Arif
Muka Surat	:	32

Mohd Tamyès dikurnia gelaran Sahibul Fadhilah Al-'Alim Al-'Arif

FOTO: HEMAH FB SELANGOR ROYAL OFFICE



Sultan Sharafuddin (kanan) berkenan mengurniakan pangkat gelaran kepada Mohd Tamyès.

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan mengurniakan pangkat gelaran Sahibul Fadhilah Al-'Alim Al-'Arif kepada bekas mufti negeri, Datuk Mohd Tamyès Abdul Wahid.

